

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG

SOALAN : NO. 171

YB Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

(a) apakah program My Brain telah mencapai kejayaan penghasilan graduan PhD sepanjang ia dilancarkan; dan

(b) berapakah peruntukan yang Kementerian telah peruntukan sepanjang My Brain diperkenalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program MyBrain15 merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat pasca ijazah yang bermatlamat untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Pelaksanaan program ini akan dapat membangunkan *first world talent base* yang akan menjadi salah satu inisiatif untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Program-program yang dilaksanakan menerusi Program MyBrain15 adalah MyPhD, MyMaster dan MyPhD Industri. Program MyBrain15 ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

(b) Dari tahun 2011 sehingga 31 Disember 2015, seramai 445 orang graduan Doktor Falsafah telah dilahirkan melalui Program MyBrain15 dengan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan ialah RM682,730,680.13.